

PM jamin tidak tutup sektor ekonomi

Kadar vaksinasi tinggi bolehkan Malaysia buka semula sempadan antarabangsa tidak lama lagi

Bangkok: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam sekali lagi memberi jaminan bahawa kerajaan tidak akan menutup sektor ekonomi dan industri walaupun kes COVID-19 harian yang direkodkan di Malaysia masih tinggi.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia perlu untuk hidup bersama COVID-19 selepas dua tahun melawan penularan virus itu.

"Walaupun kes COVID-19 meningkat mencecah 30,000, kes (COVID-19) berada dalam kategori empat dan lima adalah kurang daripada satu peratus.

"Kita tidak akan menutup sektor ekonomi. Sebaik sahaja kita sudah buka, kita akan buka seterusnya," katanya pada majlis perjumpaan bersama Keluarga Malaysia yang dihadiri kira-kira 100 rakyat Malaysia, termasuk pelajar di sebuah hotel di sini, semalam.

Hadir sama Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah; Menteri Kanan Perdagangan An-



Ismail Sabri beramah mesra dengan tetamu pada Majlis Perjumpaan Bersama Keluarga Malaysia di Thailand, semalam.

(Foto BERNAMA)

tarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali serta Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias dan Duta Malaysia ke Thailand, Datuk Jojie Samuel.

Ismail Sabri berkata, kadar vaksinasi yang tinggi akan membolehkan Malaysia membuka semula sempadan antarabangsanya tidak lama lagi.

"Kita akan buka sempadan tidak lama lagi. Sekarang kita dalam proses meyakinkan rakyat bahawa jangkitan luar tidak boleh membahayakan.

"Rakyat Malaysia yang sudah

lama tidak balik, bolehlah balik. Kita akan umum bila kita akan buka (sempadan)," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia mewujudkan Laluan Perjalanan Vaksinasi Darat (VTL) dengan Singapura, manakala VTL antara Malaysia-Brunei dijangka bermula 1 Mac dan Malaysia-Indonesia dijangka tidak lama lagi.

"Bagi Thailand, kita akan mewujudkan VTL. Kalau boleh (wujudkan VTL), kita boleh buka (sempadan) segera," katanya yang tiba di Bangkok kelmarin untuk lawatan rasmi tiga hari

atas jemputan Perdana Menteri Thailand, Prayuth Chan o-cha.

Dianggar 5,000 hingga 6,000 rakyat Malaysia sama ada belajar atau bekerja di Bangkok, namun hanya 1,018 rakyat Malaysia termasuk 40 pelajar melanjutkan pengajian di universiti di sekitar sini yang berdaftar secara rasmi dengan pihak kedutaan.

Sehubungan itu, Jojie menggalakkan semua rakyat Malaysia yang berada di Thailand untuk mendaftar dengan Kedutaan Besar Malaysia di Bangkok ataupun Konsulat Jeneral Malaysia di Songkhla. BERNAMA